



KENYATAAN MEDIA

MAKLUM BALAS KES TULAR DI MEDIA SOSIAL BERKAITAN

RUMAH BERGERAK 7 SEKELUARGA

Assalamualaikum W.B.T

Pada 22 Disember 2024 (Ahad), YB Steven Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia telah memuat naik video di media sosial Tiktok mengisahkan sebuah keluarga yang terdiri daripada 7 beranak yang menjadikan kereta Perodua Bezza sebagai tempat untuk berteduh dan *posting* berkenaan telah mendapat perhatian warganet.

Untuk maklumat semua, berdasarkan rekod di Zakat Pulau Pinang MAINPP, keluarga ini merupakan penerima skim agihan dari Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) yang diagihkan melalui Zakat Pulau Pinang (ZPP). Keluarga ini merupakan penerima **Skim Kewangan Bulanan** dari ZPP. Bagi skim ini, ZPP akan sentiasa mengemaskini kadar jumlahnya agar mengikut kesesuaian semasa.

Mereka juga merupakan penerima dana agihan bagi **Skim Kewangan Sekaligus**. Selain skim-skim berkenaan, ZPP telah membantu keluarga

ini dengan membayar kos deposit sewaan rumah dan mereka juga sering hadir ke ZPP untuk mendapatkan bantuan kecemasan.

MAINPP melalui agensinya iaitu ZPP sentiasa prihatin keperluan asnaf di Pulau Pinang dan bagi kes ini ZPP akan memantau perkembangan keluarga ini dari masa ke semasa sekiranya terdapat keperluan lain yang diperlukan.

Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela

Sekian. Terima kasih.

YB DATO' DR MOHAMAD BIN ABDUL HAMID

Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang

23 Disember 2024